

23/11/1999

Orang ramai sifatkan usaha murni kekalkan perpaduan

KOTA BHARU, Isnin - Rakyat Kelantan menganggap Manifesto Barisan Nasional (BN) yang bertemakan 'Malaysia Bebas Sepadu Maju' sempena pilihan raya umum ke-10, pada 29 November ini, sebagai usaha murni untuk mengekalkan perpaduan yang wujud di negara ini.

Mereka percaya jika manifesto itu dipraktikkan di kalangan rakyat berbilang kaum, negara ini akan terus makmur dan maju.

Seorang pesara swasta, L Tan, 64, berkata manifesto yang bertemakan 'Malaysia Bebas Sepadu Maju' itu membuktikan kerajaan BN adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh meletakkan negara ini pada tahap terbaik untuk alaf akan datang.

"Saya menyambut baik manifesto itu kerana jika ia dipraktikkan oleh kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini, kita mampu menjadi sebuah negara maju," katanya ketika mengulas Manifesto BN yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, malam tadi.

Pekerja bank, Nariah Sulaiman, 38, berkata manifesto itu amat wajar dalam menuju alaf baru kerana ia mampu membentuk sebuah negara yang aman dan makmur.

"Bagi saya manifesto ini amat perlu dalam membantu rakyat terutamanya dalam menangani masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara sebelum ini," katanya.

Seorang peniaga kecil, Kamil Mamat, 46, berkata, manifesto ini memang perlu dalam memperjuangkan nasib rakyat yang berpendapatan rendah supaya kehidupan golongan miskin lebih terjamin.

"Dalam memilih pemimpin, kita perlu memilih orang yang mampu memberi manfaat dan membela nasib rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

"Sebagai rakyat, kita perlu membuat penilaian dalam memilih pemimpin, jika tersalah pilih negara akan mundur. Justeru, pilihan kita haruslah tepat dan sesuai dengan kehendak semasa," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Anthony Dass, 53, menyifatkan manifesto berkenaan sesuai untuk sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia menuju ke alaf baru.

Beliau berkata, unsur kebebasan yang ditekankan dalam manifesto itu amat diperlukan tetapi dengan sekatan tertentu bagi mengelakkan masalah seperti rusuhan kaum daripada berlaku.

Katanya, kandungan manifesto yang turut menekankan pengagihan kekayaan sama rata kepada semua kaum dianggap dapat memastikan ia dinikmati semua pihak.

Mariah Saud, 42, pula berkata, manifesto BN itu sesuai bagi memenuhi keperluan rakyat di negara ini yang inginkan kebebasan dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial.

"Manifesto BN yang dihasilkan dengan tiga kata ringkas iaitu bebas, sepadu dan maju itu berjaya menangkis manifesto parti pembangkang kerana ia mengajak rakyat mengekalkan keamanan negara," katanya.

Salmi Janis, 52, pula berpendapat, pembahagian kekayaan negara yang disebut dalam manifesto BN sesuai dengan rakyat negara ini.

"Pembahagian kekayaan ini dapat mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin," katanya.

(END)